

DD11

U B629 BAH  
MAHATHIR - KAYA

BANDAR DARULAMAN, 20 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENASIHATI PARA PEGAWAI KERAJAAN SUPAYA JANGAN MENGAMBIL JALAN MUDAH UNTUK MENDAPAT KEKAYAAN DENGAN CEPAT. MENURUTNYA, KEKAYAAN YANG DIPEROLEHI DENGAN CEPAT ADALAH TIDAK SELAMAT.

+TIDAK ADA JALAN UNTUK MENDAPAT KEKAYAAN DENGAN CEPAT MELAINKAN DENGAN BEKERJA KUAT, JUJUR DAN IKHLAS.

+MUNGKIN (DENGAN CARA ITU) KITA TIDAK BERAPA KAYA TETAPI LEBIH SELAMAT,+ KATANYA PADA MAJLIS PERJUMPAAN DAN DIALOG DENGAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN DI DEWAN MUADZAM SHAH, KAMPUS DARULAMAN UNIVERSITI UTARA MALAYSIA DI SINI HARI INI.

BELIAU JUGA MENASIHATI MEREKA YANG INGIN MENDAPAT KEKAYAAN DENGAN CEPAT SUPAYA TIDAK MENYALAHKAN SESIAPA JIKA +DITIMPA MALAPETAKA.+ -- LAGI.

1844MST 20 09 90

DD25

U B633 BAH  
MAHATHIR - KAYA 2 BANDAR DARULAMAN

+TETAPI KALAU KITA BERPEGANG KEPADA NILAI HIDUP BAHAWA KEKAYAAN ITU ADALAH HASIL KERJA YANG CUKUP SUSAH, KITA AKAN SELAMAT. MUNGKIN KITA BOLEH MENJADI MILLIONAIRE. MACAM-MACAM LIKU DAN CABARAN (YANG PERLU DIHADAPI) SEBELUM KITA MENCAPAI MATLAMAT KITA,+ TAMBAHNYA,

BELIAU BERKATA, SEKIRANYA SELURUH RAKYAT MENGAMALKAN NILAI-NILAI HIDUP YANG BAIK, SEPERTI JUJUR, IKHLAS DAN TIDAK MENIPU, MALAYSIA AKAN MENJADI SEBUAH NEGARA YANG BERJAYA DAN MAJU, SETANDING DENGAN NEGARA-NEGARA MAJU YANG LAIN.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA, RAKYAT HARUS BERBANGGA DENGAN PENCAPAIAN MALAYSIA KINI, YANG MENDUDUKI TEMPAT KELIMA ANTARA 135 NEGARA MEMBANGUN DI DUNIA.

BELIAU BERKATA, PENCAPAIAN ITU BAGAIMANAPUN BOLEH DIPERTINGKATKAN LAGI DAN BELIAU PERCAYA RAKYAT NEGARA INI MAMPU UNTUK BERBUAT DEMIKIAN.

MENGENAI KRISIS TELUK, PERDANA MENTERI MELAHIRKAN RASA SEDIH KERANA BERLAKU PEPERANGAN ANTARA SEMASA UMAT ISLAM.

+ORANG ISLAM ADALAH BERSAUDARA. SESUATU PERTELINGKAHAN PERLULAH DISELESAIKAN DENGAN BERMUSYAWARAH.

BELIAU BERKATA, EKORAN DARIPADA ITU, DUNIA MEMANDANG HINA TERHADAP UMAT ISLAM. -- BERNAMA.

1910MST 20 09 90